



MAQASID SYARIAH DALAM PERPADUAN UMMAH: ANALISIS TERHADAP PIAGAM MADINAH

*Fadhlin Sakinah Zainol Abidin, Nurul Farhana Roslan, Nurul Nashuha Mohd Naim, Wan Nur Hafieqah
Abdullah & Nurul Nadiyah Husna Abdul Rahman**
nurulnadiyahhusna@gmail.com

Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

ABSTRAK

Pengenalan: Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Pemetaraan piagam ini telah menjadi asas terbinanya sebuah negara yang berdaulat dan harmoni. Ini berlaku kerana wujudnya elemen penyatuan dan perpaduan di kalangan komuniti yang ada demi membentuk suatu ummah yang kuat dan dinamik. **Objektif:** Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan perpaduan ummah sebagai salah satu *Maqasid Syariah* yang terkandung di sebalik Piagam Madinah. **Metodologi:** Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif yang direka bentuk berasaskan kajian kepustakaan. Data dikumpul menggunakan analisis dokumen ke atas buku dan artikel jurnal, kemudian disusun mengikut tema yang dibincangkan. **Dapatan:** Kajian mendapati bahawa terdapat 39 fasal di Piagam Madinah yang menekankan aspek perpaduan. Ia melibatkan antara umat Islam setempat dan yang berhijrah. Begitu juga antara umat Islam dan bukan Islam yang tinggal di Madinah. Selain itu, ia juga melibatkan aspek jaminan hak dan kebersamaan tanggungjawab dalam melindungi negara dan ummah. Piagam Madinah bukan sekadar menyatupadukan kaum Muhajirin dan Ansar, malah berjaya mengislamkan ramai penduduk Madinah. Sementara, penduduk bukan Islam pula bebas mengamalkan ajaran agama sendiri, sekaligus dapat mengelakkan perbalahan dan pertumpahan darah. **Kesimpulan:** Piagam Madinah boleh dijadikan sebagai model perlembagaan bagi sesebuah negara untuk mencapai kesatuan ummah dan kesejahteraan negara.

Kata kunci: Piagam Madinah, Perpaduan, Ummah, Maqasid Syariah, Kesejahteraan Negara

PENGENALAN

Piagam Madinah merupakan suatu perlembagaan bertulis pertama di dunia yang digubal oleh nabi kita yang terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW. Perlembagaan ini telah ditubuhkan pada tahun 622 Masihi selepas berlakunya hijrah baginda SAW ke Madinah al-Munawwarah (Kamal Azmi, Nazneen, Norsaleha, Indriaty & Nurulfatonah, 2017). Hijrah tersebut telah mewujudkan sebuah negara dan pemerintahan Islam yang unggul di bawah naungan Nabi Muhammad SAW. Sebelum wujudnya negara Islam, Nabi

Muhammad SAW telah menyediakan asas-asas utama masyarakat Madinah agar dapat menjadi sebuah negara yang unggul dan hebat (Mohd Darus Sanawi, 1991).

Asas yang pertama ialah pembinaan Masjid Nabawi di Madinah al-Munawwarah. Nabi Muhammad SAW telah mendirikan masjid untuk dijadikan tempat beribadah serta sebagai *syiar* Islam (Ahmad Abdul Ghani, 1989). Hal ini demikian kerana masjid mempunyai pelbagai fungsi lain iaitu sebagai pusat penyebaran ilmu, pengkalan pentadbiran undang-undang Islam dan sebagainya. Asas yang kedua ialah memupuk perpaduan antara golongan al-Ansar dan al-Muhajirin. Tujuan persaudaraan ini adalah untuk membuang sifat *asabiah* yang ada di dalam diri mereka bagi mencapai keharmonian hidup bermasyarakat.

Asas yang terakhir ialah memetrikan sebuah perlembagaan iaitu Piagam Madinah yang turut disebut sebagai *Mithqal al-Tahaluf al-Islamiy* (Perjanjian Kerjasama Islam) dan *Dustur* (Perlembagaan) (Muammar Ghaddafi *et al.*, 2014). Dapat difahami dari asas terakhir ini, perlembagaan ini dibuat oleh Nabi Muhammad SAW adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang harmoni dan ummah yang bersatu padu di bawah satu pemerintahan.

KONSEP MAQASID SYARIAH

Maqasid menurut bahasa ialah kata jamak daripada kalimah *maqsad* (مقصد) dan *maqsid* (المقصد) yang diambil daripada kalimah *qasada* (قصد) yang bermaksud menuju ke arah dan menjadi matlamat. *Syariah* pula bermaksud tempat mengalir air dan sumber air, yang berkaitan dengan aspek agama, kepercayaan, cara, kaedah dan sunnah.

Para ulama' telah mendefinisikan Maqasid Syariah dalam pelbagai pengertian. Antaranya Syeikh Muhammad Thahir bin 'Asyur menjelaskan maksud *Maqasid Syariah* ialah makna dan hikmah yang dapat diperhatikan oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum syarak yang tertentu. Nur al-Din al-Khodami telah mendefinisikan *Maqasid Syariah* sebagai makna-makna yang diperhatikan di sebalik hukum syarak, hasil daripada hukum-hukum syariat telah memberi makna hikmah *juz'iyah*, *maslahah*

kulliyah, ciri-ciri umum yang membawa kepada satu tujuan iaitu mengukuhkan konsep kehambaan kepada Allah SWT dan kemaslahatan di dunia dan di akhirat (Nuruddin, 2006).

Maqasid Syariah bermaksud objektif atau hikmah-hikmah yang hendak dipelihara dan direalisasikan oleh *al-Musyarri* dalam penetapan hukum hakam untuk kebaikan dan masalah hambanya dan menghalang mereka dari kemudharatan (Wan Mohd Nasir, 2011). Ini menunjukkan agama Islam adalah sebuah agama yang sangat menjaga dan memelihara kemaslahatan manusia serta menolak daripada sebarang kemudharatan. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Baqarah* ayat 185 yang bermaksud: “Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.”

Maqasid Syariah kebiasaannya akan membahaskan tentang lima paksi utama *al-Masolih al-Dharuriyyah* yang membabitkan kesempurnaan kehidupan manusia di dunia iaitu memelihara agama (*hifz al-Din*), memelihara nyawa (*hifz al-Nafs*), memelihara akal (*hifz al-Aql*), memelihara keturunan (*hifz al-Nasab*) dan memelihara harta (*hifz al-Mal*) (Zulkifli, 2014). *Maqasid Syariah* bertujuan untuk memahami dan mengaplikasikan nas-nas syarak dalam permasalahan baru yang timbul dan menjadikannya sebagai dalil hukum dalam permasalahan tersebut (Wan Zulkifli, Nabilah, Jamsari, Azizi & Nazri, 2016).

OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan perpaduan ummah sebagai salah satu *Maqasid Syariah* yang terkandung di sebalik Piagam Madinah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif atau lebih dikenali sebagai kajian kepustakaan. Jenis kajian ini lebih kepada bahan-bahan kajian lepas dan buku yang sedia ada. Pengkaji akan mengumpulkan data melalui bacaan buku-buku, tesis, dan sebagainya yang berkaitan dengan prinsip *Maqasid Syariah* yang terdapat di dalam Piagam Madinah.

i) Kaedah pengumpulan data

Bagi mengumpulkan data yang lengkap berkaitan kajian ini, kaedah pengumpulan data telah digunakan dengan menjalankan kajian kepustakaan. Kaedah ini perlu dilakukan melalui prosedur-prosedur yang tertentu bersesuaian dengan topik kajian. Kajian kepustakaan ini digunakan bagi mengumpul semua maklumat yang berkaitan dengan Piagam Madinah, *Maqasid Syariah* dan perpaduan ummah dengan merujuk kepada kitab-kitab yang mu'tabar dan karya-karya terkini dari perpustakaan. Kesemua data berkaitan *Maqasid Syariah*, Piagam Madinah serta perpaduan ummah yang terdapat dalam mana-mana kitab akan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah dokumentasi. Di samping itu, kaedah yang sama juga digunakan dalam mengumpul maklumat dari sumber-sumber yang lain seperti risalah, artikel, dan laman web.

ii) Kaedah analisis data

Data-data yang dikumpul melalui kaedah kepustakaan dan akan dianalisis setelah penelitian teliti dan terperinci dilakukan. Kesemua fakta akan dianalisis sepenuhnya bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam.

SOROTAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh Kamal Azmi, Nazneen dan Indrianty (2014) yang bertajuk "Piagam Madinah dalam Penulisan Ahmad Ibrahim" membincangkan tentang penulisan Ahmad Ibrahim berkaitan Piagam Madinah. Pengkaji membahaskan tentang kepentingan dan fungsi Piagam Madinah sebagai sebuah perlembagaan negara Islam dalam membentuk keharmonian terhadap masyarakat berbilang kaum. Selain itu, menurut Che Harun Kamariah (2017), panduan dalam menguruskan sesebuah negara terkandung di dalam Piagam Madinah. Namun, ianya sengaja dibiarkan kesan daripada pengaruh dari penjajah sehingga ideologi asing dipertahankan dan Islam tidak lagi memerintah negara.

Kajian "Piagam Madinah dan Resolusi Konflik di Indonesia oleh Mu'adil Faizin (2017) menerangkan tentang prinsip dan kandungan Piagam Madinah berdasarkan penulisan buku-buku. Kajian ini juga membincangkan tentang penyelesaian konflik di Indonesia dengan mengaplikasikan prinsip Piagam Madinah di dalam pentadbiran Indonesia.

Terdapat dua pandangan yang berbeza mengenai Piagam Madinah sebagai perlembagaan. Seterusnya, pandangan yang pertama ialah tidak memperakui Piagam Madinah sebagai perlembagaan. Pandangan kedua ialah Piagam Madinah memenuhi syarat sebagai perlembagaan negara. Piagam madinah juga diterima sebagai sumber inspirasi pembangunan masyarakat moden di pelbagai negara di dunia (Ardiansah, 2017).

Kajian "Piagam Madinah dan UUD 1945" membahaskan tentang titik persamaan yang terdapat di dalam kedua-dua perlembagaan tersebut. Kajian mendapati Piagam Madinah dan Undang-undang Dasar 1945 merupakan asas untuk membina sebuah negara yang bersatu, mewujudkan rakyat yang beriman dan bertakwa serta membentuk kelakuan manusia. Pengkaji menyimpulkan bahawa Piagam Madinah dan UUD 1945 ini masing-masing ditubuhkan agar menjadi satu perlembagaan negara mengikut kesesuaian zaman (Salma, 2016).

Kajian berkaitan Piagam Madinah banyak dikaji oleh beberapa orang pengkaji tetapi mereka tidak menekankan perpaduan ummah sebagai Maqasid Syariah yang terdapat di dalam Piagam Madinah.

DAPATAN KAJIAN

Piagam Madinah atau *Dustur al-Madinah* ialah satu perjanjian ikatan di antara kaum Muhajirin, Ansar dan bukan Islam iaitu yahudi dalam membentuk hubungan mereka (Hashim Yahya al-Mallah, 2004). Piagam Madinah telah membicarakan tentang hubungan sesama orang Islam iaitu ukhwh kerana Allah dan hubungan orang Islam dengan bukan Islam iaitu ukhwh *insaniyyah* (Amin Dowidar, 1987). Hasil kajian mendapati bahawa perpaduan ummah di dalam Piagam Madinah menepati prinsip Maqasid Syariah. Berdasarkan surah ali- 'Imran ayat 103 yang bermaksud:

“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu”.

Huraian daripada ayat Al-Quran menceritakan tentang tuntutan mewujudkan perpaduan dan larangan perpecahan antara umat Islam dan bukan Islam. Selain itu, di dalam Al-Quran telah dikemukakan berkaitan *ummah muslimah* yang merujuk kepada ummah yang mengajak kepada kebaikan serta memberi petunjuk atau hidayah kepada kebenaran. Akan tetapi, disebabkan peredaran zaman, situasi, keperluan dari pelbagai aspek yang lain telah menukarkan manusia yang dulunya bersatu teguh kini berpecah belah dan terputus daripada ikatan asalnya (W. Z. Kamaruddin, 2019).

PERBINCANGAN

39 fasal dalam Piagam Madinah yang menekankan aspek perpaduan

Piagam Madinah digunakan sebagai alat untuk mewujudkan perpaduan ummah dalam kalangan masyarakat Madinah. Hal ini kerana, 39 daripada 47 fasal dari Piagam Madinah adalah berkaitan dengan perpaduan atau cara menyatukan penduduk Madinah yang boleh diaplikasikan untuk mendidik masyarakat menjadi ummah yang kuat tanpa mengira kaum, keturunan dan tempat tinggal. Rasulullah SAW sangat mementingkan perhubungan yang baik antara penduduk Islam dan bukan Islam seperti amalan tolong-menolong, hormat-menghormati dan sebagainya. Selepas kedatangan Islam di Madinah, penduduk Madinah tidak lagi mementingkan diri sendiri dan mengutamakan kabilah masing-masing seperti yang diamalkan oleh arab jahiliyyah. Maka, Islam telah menerapkan nilai-nilai persaudaraan antara mereka agar tercapainya perpaduan yang ingin dikecapi (Che Harun Kamariah, 2019).

Umat Islam setempat dan yang berhijrah serta bukan Islam tinggal bersama di Madinah

Kandungan Piagam Madinah adalah pengiktirafan kepada semua masyarakat Madinah sebagai satu ummah tanpa melihat kepada perbezaan dari aspek puak dan agama (Kamal Azmi, 2014). Kaum Muhajirin dan Ansar telah dipersaudarakan melalui Piagam Madinah malah berjaya mengislamkan ramai penduduk Madinah (Wan Mohd Nasir, 2011). Bahkan, golongan yang berperang ratusan tahun iaitu golongan Aus dan Khazraj berjaya disatukan melalui piagam ini (Che Harun Kamariah, 2019). Mereka juga dilarang untuk melakukan penindasan terhadap golongan yang lemah untuk menjamin keharmonian hidup bermasyarakat di Madinah.

Jaminan hak dan kebersamaan tanggungjawab dalam melindungi negara dan ummah

Seterusnya, dapatan yang ketiga ialah perpaduan melibatkan aspek jaminan hak dan kebersamaan tanggungjawab dalam melindungi negara dan ummah. Hak dan tanggungjawab ini telah dinyatakan di dalam Piagam Madinah iaitu masyarakat Madinah bertanggungjawab menjaga kedaulatan negara kerana mereka adalah satu ummah. Selain itu, penduduk yang beragama Islam dan bukan Islam perlulah mengekalkan keamanan dan keselamatan negara daripada pencerobohan musuh. Masyarakat Madinah dilarang membantu musuh dalam melakukan kemungkaran sebaliknya mereka wajib tolong menolong untuk kebaikan bersama kerana setiap warganegara mempunyai hak untuk mendapatkan pembelaan. Seperti yang dinyatakan di dalam Fasal 1, Orang-orang yang beriman dan yang baru memeluk Islam dari golongan Quraisy serta penduduk Yathrib dan orang yang bersama mereka berjuang bersama-sama menentang musuh untuk keamanan negara sekaligus dapat menjaga agama (Ikram Dhiya' Al- 'Umri, 1983).

Penduduk bukan Islam bebas mengamalkan ajaran agama sendiri

Penduduk Madinah yang bukan Islam diberi kebebasan dalam melakukan ibadat mengikut ajaran agama dan kepercayaan masing-masing. Hal ini disebabkan kerana Islam menghormati kebebasan beragama dan tidak memaksa kepercayaan seseorang individu. Selain itu, ianya juga dapat menghindarkan permusuhan dan perbalahan antara masyarakat berbilang agama. Agama Islam memberikan kebebasan beragama kepada masyarakat bukan Islam supaya mereka tidak menyebarkan ajaran agama mereka kepada masyarakat lain (Che Harun Kamariah, 2019).

Dapat dirumuskan daripada hasil analisis ini bahawa Piagam Madinah merupakan suatu alat dalam menyatupadukan umat Islam agar tidak berlaku perbalahan. Keamanan dan keharmonian sesebuah negara akan tercapai dengan adanya perpaduan ummah yang sangat jitu di antara masyarakat. Seperti yang dinyatakan pada fasal ke-23 iaitu "walau bagaimana berbalahnya kamu sekalipun dalam sesuatu perkara hendaklah merujuk perkara itu kepada Allah dan kepada Muhammad".

KESIMPULAN

Piagam Madinah yang dibentuk oleh Nabi Muhammad SAW telah berjaya mewujudkan sebuah negara Islam yang harmoni melalui elemen penyatuan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat untuk membina ummah yang kuat dan bersatu. Kepentingan perpaduan ummah dapat dilihat melalui perlembagaan yang dipersetujui bersama oleh kaum Muslimin dan Yahudi sebagai salah satu *Maqasid Syariah*. Berdasarkan 39 fasal yang terkandung di dalam Piagam Madinah, aspek perpaduan ummah amat dititikberatkan demi mencapai kemaslahatan bersama yang bukan sahaja melibatkan antara umat Islam setempat dan yang berhijrah bahkan juga antara umat Islam dan bukan Islam yang tinggal di Madinah. Perlembagaan ini turut berhasil mengikat tali persaudaraan dan menyediakan ruang kerjasama melalui aspek perpaduan ummah yang dijadikan sebagai landasan utama untuk menyatukan masyarakat. Tidak dinafikan juga bahawa pendekatan *Maqasid Syariah* dapat menghapuskan segala jurang dan kasta pemisahan oleh ikatan perpaduan ummah yang menyeluruh. Akhir sekali, elemen perpaduan ummah yang terdapat di dalam Piagam Madinah merupakan alat untuk mengukuhkan kelima-lima *al-Masolih al-Dharuriyyah*.

RUJUKAN

- Abd Rahman, K., Ismail, N., & Ismail, I. (2017). Piagam Madinah dalam Penulisan Ahmad Ibrahim. 2. al, M. G. (2014). *Tafsir Maudhu'iy Masyarakat dan Pembangunan Sosial*. Kuala Lumpur: DBP.
- Al-Azhari, W. M.-M. (2011). *Maqasid Syariah: Cabaran Dan Penyelesaian Dalam Merealisasikan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Al-Bakri, Z. M. (2014). *Maqasid Al-Syariah*. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.
- 'Ali, M. D. (1991). *Fiqh Al-Sirah 2*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Ali, W. K. (2010). Realiti Perpaduan Ummah dan Cabarannya: Analisis dari Perspektif Pemikiran Islam. 1-12.
- Al-Khadimiy, N. M. (2006). *Ilmu Maqasid Syariah*. Riyadh: Obekan Publishers & Booksellers.
- Al-Mallah, H. Y. (2004). *Hukumah Al-Rasul Al-Mustofa*. Beirut: Al-Dar Al-'Arabiyyah Al-Mausu'at.
- Al-'Umri, I. D. (1983). *Al-Mujtami' Al-Madani Fi 'Ahdi Al-Nubuwwah*. Madinah Al-Muwwarah: Al-Malikah Al-'Arabiyyah Al-Su'udiyah Al-Jami'iyah Al-Islamiyyah.
- Dowairi, A. (1987). *Al-Hijrah ila Al-Madinah Al-Munawwarah*. Kaherah: Dar Al-Ma'arif.
- Faizin, M. (2017). Piagam Madinah dan Resolusi Konflik di Indonesia. 78-87.
- Mursyid, S. (2016). Piagam Madinah dan UUD RI 1945. *Jurnal Ilmiah al-Syir'ah*, 1-8.
- Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (s.d.). Récupéré sur <http://www.islam.gov.my/e-khutbah/569-maqasid-syariah-asas-kesejahteraan-ummah>
- Syhab, A. (2017). Kedudukan Piagam Madinah sebagai Konstitusi Negara . 1-11.
- Wan Hassan, W., Abdullah, N., Alias, J., Umar, A., & Muslim, N. (2016). Maqasid Syariah Dalam Pembinaan Fatwa Berkaitan Amalan Rentas Agama dan Rentas Budaya di Malaysia. *Al-Hikmah*, 128-147.